

**Waran tangkap pengarang Sarawak Report sia-sia, kata peguam  
The Malaysian Insider  
August 5, 2015  
Oleh V. Anbalagan**

Waran tangkap terhadap Editor Sarawak Report Clare Rewcastle-Brown tidak boleh dikuatkuasakan di luar Malaysia, kata peguam sambil menambah warga British itu tidak mungkin akan menjejak kaki ke negara ini dalam masa terdekat bagi membolehkan polis menangkapnya.

Mereka berkata, pihak berkuasa Malaysia hanya "bermimpi" dan perbuatan mereka hanya menunjukkan memperbodohkan diri sendiri kerana kesalahan yang beliau didakwa lakukan dan sedang disiasat bukan merupakan satu jenayah di United Kingdom.

Mereka berkata, sebarang cubaan mengekstradisi Rewcastle-Brown dengan bantuan pendakwa raya jabatan peguam negara Britain akan gagal.

Peguam Joshua Teh berkata, waran itu hanya boleh dikuatkuasakan terhadap Rewcastle-Brown jika beliau datang ke Malaysia untuk menyerah diri kepada agensi penyiasat itu.

"Waran tangkap itu tiada nilai di luar Malaysia. Ia diperolehi hanya untuk satu usaha untuk mengaburi mata rakyat Malaysia yang mudah ditipu," katanya kepada The Malaysian Insider.

Teh berkata waran tangkap itu hanya menunjukkan Rewcastle-Brown dikehendaki pihak berkuasa Malaysia.

"Polis hanya boleh menangkap dan menahannya jika dia di bumi Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan yang memetik ketua Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Seri Mohmad Salleh mengatakan polis memperoleh waran tangkap terhadap Rewcastle-Brown dan akan memulakan proses mendapatkan bantuan daripada Interpol dan Aseanapol untuk memudahkan penahanannya. – 5 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/waran-tangkap-pengarang-sarawak-report-sia-sia-kata-peguam>